

SET 5

Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **langkah-langkah yang diambil oleh murid untuk mengurangkan tekanan ketika peperiksaan dan peranan sekolah dalam mengurangkan tekanan**. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Menjelang peperiksaan awam yang penting seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), pelbagai ragam murid sama ada yang positif atau negatif sebelum menjelangnya peperiksaan awam dihadapi oleh pelajar termasuk berhadapan dengan tekanan perasaan. Tekanan ialah perkara yang berkaitan dengan ketegangan yang dialami oleh mental atau emosi seseorang disebabkan oleh pelbagai faktor. Pada hari ini, ibu bapa amat mengharapkan keputusan yang cemerlang daripada anak-anak. Ibu bapa yang berkemampuan, sanggup mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk memastikan anak-anak mereka cemerlang. Oleh itu, murid atau remaja perlu mempunyai kemahiran untuk menjadi lebih bijak menguruskan diri dari stres supaya fokus mereka untuk menghadapi peperiksaan tidak terjejas.

Selain ibu bapa, tidak dapat dinafikan, ada juga murid yang mendapat tekanan daripada rakan sebaya terutama murid-murid yang belajar di sekolah berasrama penuh kerana perbezaan pendapat atau tidak bersetuju dengan cara dan tingkah laku mereka. Dalam konteks ini, murid seharusnya sentiasa tenang dan fokus terhadap peperiksaan yang akan dihadapi. Ketenangan yang diperlukan tidak akan datang dengan tiba-tiba atau secara terpaksa tetapi akan terzahir apabila pelajar bersedia dengan sebaik-baiknya. Lantaran itu, murid perlu melaksanakan perancangan yang sesuai berdasarkan kemampuan dan komitmen *mengikut keupayaan* sebagai persiapan menjelang peperiksaan. Perancangan yang dibuat sebelum peperiksaan mampu menjadikan murid lebih berdikari dan fokus. Murid juga sepatutnya mengadakan jadual pembelajaran yang sistematis dan boleh diikuti agar tidak menggelabah atau mengalami kerisauan yang kronik sebelum peperiksaan.

Tekanan perasaan perlu ditangani dengan segera untuk mengelakkan perkara yang lebih buruk berlaku terutamanya bagi para murid. Oleh itu, murid seharusnya belajar dalam persekitaran yang menyeronokkan agar emosi mereka berkembang secara natural dan memenuhi keperluan mereka sebagai remaja. Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang mahu melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Dalam hal ini, murid juga perlu menjauhkan diri daripada perkara yang merosakkan emosi dan ketenangan. Perkara sampingan yang mampu menjelaskan kestabilan emosi seperti hubungan peribadi dengan rakan-rakan, masalah keluarga, dan masalah dengan guru perlu ditangani dengan bijaksana.

Kesihatan amat penting menjelang peperiksaan. Jadi, murid perlu menjaga kesihatan diri kerana tanpa kesihatan yang baik sukar bagi pelajar untuk mengulang kaji pelajaran dan melakukan latihan intensif dengan baik. Setelah berusaha, murid sepatutnya membanyakkan amalan kerohanian yang dapat memberikan ketenangan kepada jiwa sebagai persiapan penting untuk menghadapi peperiksaan. Kesimpulannya, tugasan atau bebanan yang keterlaluan kepada murid semata-mata mahu menjadikan mereka cemerlang dalam bidang akademik perlu dielakkan demi melahirkan insan yang cemerlang dari segi ilmu dan akhlaknya.

Dipetik dan diubahsuai daripada
“Tekanan Perasaan Menggugat Peperiksaan”
oleh Nizar Parman
Dewan Siswa, September, 2015

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *mengikut keupayaan* [2 markah]

(ii) Dalam petikan, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan murid mengalami tekanan.

Nyatakan faktor-faktor tersebut. [3 markah]

(iii) Salah seorang rakan anda telah menghadapi tekanan perasaan.

Sebagai seorang rakan, jelaskan tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan untuk membantu rakan tersebut mengatasi tekanan perasaan yang dihadapinya. [4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Ahmad Mutawakkil, sudah jarang-jarang benar balik ke kampung. Perjuangan parti meruntun waktunya dihabiskan di bandar. Tahun 1952, dalam usia 24 tahun, dia terpilih menduduki kerusi pemimpin nombor dua parti di peringkat daerah.

Tidak cukup dengan tangungjawabnya ke sana sini untuk berceramah, Ahmad Mutawakkil turut menulis dalam surat khabar. Dia juga terkenal sebagai wartawan. Tulisannya banyak merangsang orang Melayu untuk bersiap sedia mengisi kemerdekaan.

“Jangan nanti selepas merdeka, kita jadi macam kera mendapat bunga.” Untuk merdeka, katanya, perjuangan bukan setakat mendesak Inggeris berundur.

“Malah, demi mengisi kemerdekaan, kita juga perlu mendesak diri sendiri, mengikis semua tabiat buruk bangsa kita. Kita pasti akan merdeka, dan untuk itu, kita perlu berjuang mengubah sikap dan pandangan sempit bangsa kita.....”

Akhirnya, selepas berbulan-bulan lamanya Ahmad Mutawakkil menghilang, satu hari, pecahlah berita tentang kepulangannya. Oleh sebab namanya sebagai wartawan masyhur disebut orang di sana sini, Tuan Booth mahu meraikan kejayaannya itu.

Seperti biasa, kami dijemput sama. Di majlis itulah, seorang daripada kami secara tidak sengaja terdengar perbualan Ahmad Mutawakkil dengan anak gadis orang putih itu.

“Kalau bukan awak yang ajar saya menulis dan membaca,” kata Ahmad Mutawakkil, “tak mungkin saya jadi wartawan. Saya sangat terhutang budi.”

Dipetik daripada cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawakkil’
oleh Zainal Rashid Ahmad
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan sebab-sebab Ahmad Mutawakkil jarang-jarang pulang ke kampung? [2 markah]
- (ii) Pada pandangan anda, sebagai remaja apakah yang perlu anda lakukan untuk mengekalkan kemerdekaan negara yang sedia ada? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, “ Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!” Maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkisah orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pada kampungnya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun *menyuruh orangnya berkawal*, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing masing berkawal pada kampungnya.

Sebermula maka Kertala Sari pun masuk ke dalam. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak dengan alat senjatanya. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu berjalan di tengah orang banyak itu. Maka ia pun pergi ke rumah seorang kaya. Maka dicurinya harta yang kemas- kemas itu lalu dibawanya kembali dan bini orang kaya - kaya itu dicabulinya. Maka ia pun kembali ke tempatnya.

Setelah hari pun siang maka orang kaya-kaya itu pun menghadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu. Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, “ Hai Temenggung, tiadakah menyuruhkan orang berkawal tadi?”

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menyuruh orangnya berkawal*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Temenggung sebaik-baik sahaja menerima arahan daripada sultan. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri pimpinan yang baik? [3 markah]

Soalan 2(d) - Sajak

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi,
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seoang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan

Teo Wei Sing

Antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan rangkap pertama, nyatakan keadaan hidup seorang tua dalam sajak tersebut. [2 markah]
- (ii) Anak-anak merupakan permata hati ibu bapa. Apakah tindakan yang wajar dilakukan oleh anak-anak untuk membahagiakan ibu bapa sekiranya mereka tinggal berjauhan? [3 markah]
- (iii) Jelaskan dua pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap rangkai kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) alam semesta
- (ii) harga borong
- (iii) mesra pelanggan
- (iv) soal jawab
- (v) tunjuk ajar
- (vi) ulang kaji

[6 markah]

- (b) Kenal pasti dan tulis **subjek** dan **predikat** yang lengkap bagi setiap ayat seperti yang berikut:

Subjek :
Predikat :

- (i) Ahmad dan rakan sekelasnya membeli majalah Dewan Siswa dari Kedai Buku Popular di bandar itu.
- (ii) Keindahan panorama di bandar itu memikat hati para pengunjung.
- (iii) Pada setiap tahun, kami sekeluarga akan bercuti di luar negara.
- (iv) Surat yang baru di terima itu, daripada rakannya di Kuala Lumpur
- (v) Kami mengikuti ceramah teknik menjawab soalan peperiksaan SPM di dewan sekolah.
- (vi) Masyarakat Iban dan Bidayuh di Sarawak menyambut Hari Gawai pada bulan Jun setiap tahun.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kesesakan lalulintas yang agak teruk telah berlaku di Terowong Menora ekoran tertutup salah satu lorong terowong berkenaan
- (ii) Yang Di-pertua Majlis Perbandaran Teluk Intan mengingatkan semua penguat kuasa agar menjalani tugas dengan penuh amanah dan dedikasi.
- (iii) Satay yang dijual di pasar malam boleh didapat dengan harga yang murah.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Bapa saudaranya memperoleh ganjaran yang agak lumayan hasil jualan kerepek pisang yang dia usahakan
- (ii) Encik Naqib menerangkan tentang faedah aktiviti kitar semula yang dapat mengatasi masalah kekurangan tapak penghapusan sampah.
- (iii) Peserta yang paling hebat sekali dalam persembahan itu telah dipilih sebagai pemenang dalam pertandingan yang menyediakan peruntukan yang lumayan.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan situasi tersebut.*

- (i) Amran yang berasal dari Singapura telah berhijrah dan menetap di Malaysia sejak beberapa tahun yang lalu.
- (ii) Hati ibu hancur setelah mendapat tahu abang kerap ponteng sekolah dan terlibat dengan gejala sosial.
- (iii) Helmi tetap berpegang teguh kepada adat dan budaya Melayu yang lama walaupun terdapat pelbagai pengaruh budaya baharu dalam kalangan masyarakat.

[6 markah]

NOVEL
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (iv) Jendela Menghadap Jalan karya Rohani Matdarin
- (v) Tirani karya Beb Sabariah
- (vi) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (vii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (viii) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraiakan **dua peristiwa tentang persoalan ketabahan** yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu kepincangan masyarakat** yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT